



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk siaran segera  
21 Mac 2019**

### **POTONGAN HARGA 50 PERATUS UNTUK YURAN PENDAFTARAN HIBAH AMANAH DAN PENGISYTIHARAN AMANAH**

**KUALA LUMPUR** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) menawarkan potongan harga 50 peratus untuk yuran pendaftaran Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah bagi tempoh antara 15 Mac hingga 15 Mei 2019.

Dengan tawaran potongan harga ini, pemegang unit ASNB hanya perlu membayar yuran pendaftaran RM90 untuk satu kontrak Hibah Amanah (pemegang unit Islam) atau Pengisytiharan Amanah (pemegang unit bukan Islam) yang meliputi semua unit amanah ASNB, berbanding harga biasa RM180.

Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah membolehkan pemegang unit menamakan sehingga 10 penerima untuk mewarisi pelaburan unit amanah ASNB mereka. Berbeza dengan konsep penama yang mana penama hanyalah wasi atau pentadbir, Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah menjadikan penerima sebagai penerima mutlak untuk wang yang ditinggalkan pemegang unit.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin berkata, ASNB berharap pemegang unit akan mengambil langkah segera untuk menetapkan penerima bagi pelaburan mereka dalam unit amanah ASNB supaya proses tuntutan oleh waris dapat dipermudahkan.

“Tanpa Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah, unit amanah ASNB akan menjadi harta pusaka dan perlu diurus mengikut saluran ditetapkan termasuk keperluan mendapatkan surat kuasa, yang biasanya agak mengambil masa.

Dengan Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah, proses tuntutan ini dipermudah yang mana ia mengambil masa kira-kira 21 hari dari tarikh tuntutan dikemukakan dan tuntutan boleh dibuat di mana-mana Cawangan ASNB,” katanya.

Apa yang istimewa mengenai Hibah Amanah ialah penerima tidak terhad kepada waris sahaja dan pemegang unit boleh menamakan mana-mana individu yang dirasakan layak sebagai penerima, termasuk anak angkat.

Tambah Mohammad lagi, produk Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah merupakan komitmen ASNB untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pemegang unit, dari awal mereka melabur sehinggalah mereka meninggal dunia dan seterusnya kepada waris mereka.

“Berdasarkan pengalaman ASNB, ada waris yang memerlukan wang tunai dengan segera untuk meneruskan kehidupan selepas pemegang unit tiada. Kesukaran menuntut wang yang ditinggalkan menjejaskan kualiti hidup mereka.”

“Oleh kerana unit amanah ASNB merupakan pelaburan tunai, kami yakin proses tuntutan yang mudah dapat membantu waris meneruskan kehidupan tanpa banyak masalah sementara menunggu harta lain dibahagikan,” katanya. Secara umumnya, proses tuntutan unit amanah ASNB adalah tertakluk kepada undang-undang probet dan pentadbiran kerana undang-undang Malaysia mengkategorikan unit amanah sebagai harta persendirian.

Tanpa Hibah Amanah, proses tuntutan oleh waris pemegang unit Islam adalah tertakluk kepada undang-undang probet dan pentadbiran dan ketetapan mendapatkan probet tetap berkuatkuasa walaupun pemegang unit ada meninggalkan wasiat.

Untuk mendaftar Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah, pemegang unit boleh mendapatkan borang pendaftaran di Pejabat Cawangan ASNB di seluruh negara atau muat turun di laman web [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

Untuk memudahkan pemegang unit, semua Pejabat Cawangan ASNB kini dibuka pada Sabtu ke-3 setiap bulan, para pemegang unit digalakkan menggunakan kesempatan ini untuk membuat pendaftaran Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah.

### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan 32 pejabat cawangan dan 2,603 ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah. Setakat November 2018, ASNB mengurus 237 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 13.8 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**